

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA: 4(B)(XXI)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB. SATEES A/L MUNIANDY**

13. Bagaimanakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang melindungi hutan simpan kekal di Negeri Pulau Pinang?

**YB. PHEE BOON POH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

13. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) komited dalam melindungi Hutan Simpanan Kekal di Negeri Pulau Pinang melalui pelaksanaan program-program berikut :-
- (a) Pemantauan dan rondaan berkala serta aktiviti penguatkuasaan di bawah Akta Perhutanan Negeri 1984; dan
 - (b) Penanaman pokok di kawasan terosot dalam Hutan Simpan Kekal.

Kerajaan Negeri juga telah menggariskan pelaksanaan prinsip pengurusan hutan secara berkekalan berasaskan kepada lima (5) komponen seperti berikut:-

- (a) Pengurusan persempadanan sumber hutan secara lestari;
- (b) Pemeliharaan dan perlindungan sumber-sumber biodiversiti;

- (c) Publisiti dan penyampaian maklumat kepada masyarakat mengenai kepentingan hutan;
- (d) Pembangunan dan penjenamaan hutan sebagai kawasan eko-pelancongan; dan
- (e) Menaik taraf infrastruktur bagi memudah cara urus tadbir hutan-hutan negeri.

Selain itu, Program Pengurusan Hutan Secara Lestari yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui JPNPP telah menetapkan sasaran untuk memastikan bahawa sumber hutan simpan kekal perlu diurus berdasarkan prinsip “Pengurusan Hutan Secara Berkekalan” demi memastikan kehijauan serta sumber biodiversiti hutan sentiasa terpelihara. Prinsip “Pengurusan Hutan Secara Berkekalan” yang dilaksanakan akan dapat memastikan sumber biodiversiti hutan yang bernilai komersial diurus secara lestari bagi memastikan ianya dapat digunakan secara berterusan untuk kepentingan generasi masa hadapan.